



KENYATAAN MEDIA

MALAYSIA TUAN RUMAH MESYUARAT PEGAWAI-PEGAWAI KANAN ALAM SEKITAR ASEAN KE-36 (ASOEN-36)

Malaysia melalui Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat Pegawai-pegawai Kanan Alam Sekitar ASEAN ke-36 (ASOEN-36) yang dijadualkan pada 28 hingga 31 Julai di Langkawi, Kedah sempena Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025.

Mesyuarat teknikal tertinggi berkaitan alam sekitar di peringkat ASEAN itu menghimpunkan pegawai-pegawai kanan alam sekitar daripada kesemua 10 negara anggota ASEAN. Mesyuarat ini berperanan penting dalam menyelaraskan tindakan kolektif negara anggota ASEAN untuk memperkukuh dasar, strategik dan kerjasama serantau mengenai perlindungan alam sekitar, pemuliharaan biodiversiti, pengurusan sumber semula jadi secara mampan dan ketahanan terhadap perubahan iklim.

Mesyuarat selama empat (4) hari itu akan dimulakan dengan Kenyataan Bersama ASEAN tentang Perubahan Iklim kepada Persidangan Pihak-Pihak ke-30 Konvensyen Rangka Kerja PBB mengenai Perubahan Iklim (UNFCCC COP30). Menerusi mesyuarat ini, Kenyataan Bersama ASEAN (ASEAN Joint Statement) dapat memastikan suara ASEAN lebih bersepadu, kukuh dan berpengaruh dalam rundingan antarabangsa berkaitan perubahan iklim.

Ini disusuli dengan Mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah Pusat Biodiversiti ASEAN (ACB GB) membincangkan hala tuju strategik, polisi, pelaksanaan program serta perkara berkaitan pengurusan ACB dalam memelihara biodiversiti serantau.

Hari kedua bakal menyaksikan Majlis Perasmian Mesyuarat ASOEN ke-36 dengan ucapan pembukaan yang disampaikan oleh Pengerusi ASOEN ke-36, Filipina. Pada hari ketiga akan berlangsung Dialog Kerjasama Alam Sekitar ASEAN-Jepun ke-19 (AJDEC) dengan Singapura sebagai Pengerusi bersama Malaysia. Turut berlangsung, Dialog ASEAN-ROK ke-5, Dialog Peringkat Tinggi (HLD) ASEAN-Kesatuan Eropah (EU) ke-7 dan HLD Amerika Syarikat (US) ke-4 mengenai Alam Sekitar dan Perubahan Iklim.

Sesi dialog ini, bukan sahaja dapat mengukuhkan kerjasama dalam pelbagai aspek kelestarian antara ASEAN dengan Jepun, Korea, US dan EU, malah, mampu menangani isu alam sekitar dan perubahan iklim. Selain itu, platform ini memberi peluang untuk berkongsi teknologi serta amalan terbaik serta menyelaraskan usaha bagi mencapai pembangunan mampan dan kelestarian alam sekitar di rantau ASEAN.

ASOEN turut merangkumi tujuh (7) mesyuarat kumpulan kerja teknikal. Iaitu, Biodiversiti dan Pemuliharaan Alam Sekitar (AWGNCB), Perubahan Iklim (AWGCC), Alam Sekitar Marin dan Pesisir Pantai (AWGCME), Bandar Lestari Alam Sekitar (AWGESC), Pendidikan Alam Sekitar (AWGEE), Pengurusan Sumber Air (AWGWRM) serta Bahan Kimia dan Sisa (AWGMRPE). Turut dianjurkan, satu mesyuarat bersama rakan dialog seperti China, Jepun dan Korea.(ASEAN Plus Three). Setiap mesyuarat ini memberi tumpuan kepada aspek tertentu dalam pengurusan alam sekitar di peringkat serantau.

ASOEN-36 merupakan kesinambungan kepada mandat serta hasil perbincangan daripada Mesyuarat ASOEN Ke-35 yang telah berlangsung di Vientiane, Lao PDR. Menerusi ASOEN, mandat berkaitan isu alam sekitar diangkat untuk pertimbangan dan perbincangan selanjutnya di peringkat Mesyuarat Menteri-Menteri Alam Sekitar ASEAN (AMME).

Selaku tuan rumah ASOEN-36, Malaysia bukan sahaja berpeluang mempamerkan inisiatif dan pencapaiannya, malah dapat mengukuhkan jaringan diplomasi alam sekitar dengan negara serantau.

Penganjuran ASOEN kali ini turut menekankan aspek kelestarian selaras dengan Garis Panduan Pelaksanaan Inisiatif ASEAN Lestari (GPPIAL) yang dikeluarkan oleh NRES. Ia memberi fokus kepada pengurangan jejak karbon, penggunaan sumber yang cekap dan pengurusan sisa yang bertanggungjawab,

Sepanjang minggu tersebut, turut diadakan pameran perkhidmatan dan produk di bawah NRES serta lawatan delegasi ke projek lestari dan Kompleks kraftangan. Aktiviti ini juga memperlihatkan komitmen Malaysia terhadap kelestarian melalui pemeliharaan warisan budaya dan pembangunan ekonomi hijau.

NRES berharap penganjuran ASOEN-36 akan memperkukuh kolaborasi serantau dan mempercepatkan tindakan kolektif ke arah perlindungan alam sekitar yang lebih holistik dan mampan di rantau ini. Penganjuran oleh Malaysia ini mencerminkan komitmen negara dalam menerajui diplomasi alam sekitar serantau selari dengan prinsip Malaysia MADANI.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)

22 JULAI 2025



Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763

